

Register your product and get support at  
[www.philips.com/welcome](http://www.philips.com/welcome)

# Hair Styler

HP8651

HP8650














---

MS-MY    Manual pengguna

---

# PHILIPS



Tahniah atas pembelian anda dan selamat menggunakan Philips! Untuk memanfaatkan sepenuhnya daripada sokongan yang ditawarkan oleh Philips, daftar produk anda di [www.philips.com/welcome](http://www.philips.com/welcome).

## 1 Penting

Baca dan teliti manual pengguna ini sebelum anda menggunakan perkakas dan simpan untuk rujukan masa depan.

- AMARAN: Jangan gunakan perkakas ini dekat dengan air.
- Apabila anda menggunakan perkakas ini dalam bilik mandi, cabut plagnya setelah digunakan kerana kehampirannya dengan air juga adalah risiko, walaupun setelah perkakas dimatikan.
- AMARAN: Jangan gunakan perkakas ini berhampiran dengan tab mandi, pancur air, basin atau bekas lain yang mengandungi air.
- Jangan masukkan objek logam ke dalam gril udara untuk mengelakkan kejutan elektrik.
- Jangan menghalangi gril udara.
- Sebelum anda menyambungkan perkakas ini, pastikan voltan yang dinyatakan pada perkakas selaras dengan voltan kuasa tempatan anda.
- Jangan gunakan perkakas untuk sebarang tujuan lain daripada yang di gambarkan dalam buku panduan ini.
- Hanya gunakan untuk mengering dan menggayakan rambut di kepala. Jangan gunakan perkakas pada rambut palsu.
- Apabila perkakas telah disambungkan kepada kuasa, jangan sekali-kali dibiarkan tanpa diawasi.
- Cabutkan plag perkakas setiap kali selepas digunakan.
- Jangan sekali-kali gunakan sebarang perkakas atau bahagian dari mana-mana pengilang atau yang tidak disyorkan secara khusus oleh Philips. Jika anda menggunakan aksesori atau bahagian yang sedemikian, jaminan anda menjadi tidak sah.



- Jika perkakas menjadi terlampau panas, ia dimatikan secara automatik. Cabutkan plag perkakas dan biarkan sejuk selama beberapa minit. Sebelum anda menghidupkan perkakas itu semula, periksa gril untuk memastikan ia tidak tersekat oleh gumpalan bulu, rambut dll.
- Jangan lilit kord sesalur mengelilingi perkakas.
- Jika kord sesalur rosak, ia mesti digantikan oleh Philips, pusat servis yang dibenarkan oleh Philips atau pihak yang telah diluluskan bagi mengelakkan bahaya.
- Perkakas ini tidak dimaksudkan untuk digunakan oleh orang (termasuk kanak-kanak) yang kurang upaya dari segi fizikal, deria atau mental, atau kurang berpengalaman dan pengetahuan, kecuali mereka diawasi atau diberi arahan berkenaan penggunaan perkakas ini oleh orang yang bertanggungjawab atas keselamatan mereka.
- Kanak-kanak hendaklah diselia untuk memastikan mereka tidak bermain dengan perkakas ini.
- Untuk perlindungan tambahan, kami mengesyorkan agar anda memasang peranti arus baki (RCD) dalam litar elektrik yang membekali bilik air tersebut. RCD ini mesti mempunyai arus operasi baki berkadar yang tidak melebihi 30mA. Tanya pemasang anda untuk mendapat nasihat.

---

## Medan Elektro Magnet (EMF)

Perkakas ini mematuhi semua piawai yang berkaitan dengan medan elektromagnet (EMF). Jika dikendalikan dengan betul dan menurut arahan di dalam manual pengguna ini, perkakas ini selamat untuk digunakan berdasarkan bukti saintifik yang ada pada masa ini.

---

## Alam sekitar

Jangan buang perkakas ini dengan sampah rumah biasa di akhir hayatnya, sebaliknya bawanya ke pusat pungutan rasmi untuk dikitar semula. Dengan melakukan ini, anda membantu memelihara alam sekitar.



## 2 Gayakan rambut anda

**Perhatian:** Setiap kali hendaklah dibiarkan perkakas dan alat tambahan menyejuk dahulu sebelum anda memasang atau menanggalkan alat tambahan. Biarkan keriting menyejuk sebelum anda sikat, berus atau melakukan jari-jari di antara rambut untuk membentuk gaya yang akhir. Jangan gunakan peralatan pada rambut yang benar-benar basah. Keringkan rambut anda dengan tuala terlebih dahulu. Perkakas adalah paling berkesan apabila digunakan pada rambut yang telah dikeringkan dengan tuala.

Pilih alat tambahan yang sesuai bagi gaya rambut yang anda kehendaki.

| Gaya Rambut              | Alat tambahan                          |
|--------------------------|----------------------------------------|
| Rambut kering            | (HP8651 sahaja) Penumpu (⑤)            |
| Kembang dan bersinar     | Berus pelicin (⑪)                      |
| Kekembangan atau selakan | (HP8651 sahaja) Berus termo (⑥)        |
| Ketak atau keriting      | Berus bulu kejur boleh tarik balik (⑧) |
| Gaya lurus               | Sikat pelurus (⑨)                      |

**Sebelum anda mengayakan rambut anda:**

- 1 Detapkan alat tambahan yang sesuai pada penggaya (①&⑫).
  - Jika bulu kejur dalam keadaan tertarik di dalam berus, putar tombol penarikan balik bulu kejur (⑦) untuk mengeluarkan bulu kejur itu (⑬). Untuk menarik balik bulu kejur, putar tombol ke arah yang berlawanan.
  - Untuk menanggalkan alat tambahan itu, tekan butang pelepas (④) kemudian tarik sehingga tanggal.
- 2 Sambungkan plag ke soket bekalan kuasa.
- 3 Sikat rambut anda dan bahagikan rambut kepada bahagian-bahagian kecil.

- 4 Luncurkan suis alir udara (②) ke ② untuk mendapatkan alir udara yang lembut dan hangat bagi pengayaan perlahan, ③ untuk alir udara yang kuat dan hangat bagi pengayaan mudah, atau ④ untuk alir udara yang kuat dan panas bagi pengayaan pantas.

↳ **HP8651 sahaja:** Fungsi ion diaktifkan dengan penunjuk (③) menyala apabila perkakas dihidupkan. Fungsi ini memberi sinaran tambahan dan mengurangkan keriting halus. Ia benar-benar sesuai untuk rambut yang kering dan hampir kering.

### **Dapatkan kekembangan dan kilauan:**

- 1 Masukkan semat berus ke dalam rambut anda.
- 2 Berus rambut arah ke bawah dari akar ke hujung.
- 3 Untuk menggayakan baki rambut anda, ulangi langkah 1 hingga 2.

### **Tambahkan kekembangan kepada keriting longgar atau buat selakan dengan HP8651:**

- 1 Berus rambut melawan arah tumbuhnya rambut (⑬) sehingga semat berus menyentuh kulit kepala anda, dan kemudian alihkan berus daripada kepala anda.
  - Untuk membuat selakan, berus rambut ke bawah dan putar berus arah ke dalam (⑭) atau keluar (⑮) pada hujung rambut. Pegang berus pada kedudukan tersebut selama 2 hingga 3 saat, dan kemudian alihkan daripada rambut anda.
- 2 Untuk menggayakan baki rambut anda, ulangi langkah 1.

### **Buat ketak & keriting:**

- 1 Gelungkan satu bahagian rambut melingkari berus dengan bulu kejur dikeluarkan.
- 2 Kekalkan berus pada kedudukan itu sehingga rambut kering (maksimum 15 saat), dan kemudian tarik balik bulu kejur untuk mengeluarkan berus daripada rambut anda.
- 3 Untuk menggayakan baki rambut anda, ulangi langkah 1 hingga 2.

### **Luruskan rambut anda:**

- 1 Letakkan sebahagian rambut anda di antara sikat pelurus.
- 2 Tekan tuil (⑩) dan luncurkan penggayah arah ke bawah sepanjang kepanjangan rambut.

3 Untuk menggayakan baki rambut anda, ulangi langkah 1 hingga 2.

**Selepas digunakan:**

1 Matikan perkakas dan cabut plagnya.

2 Letakkannya di atas permukaan yang tahan haba sehingga ia menyejuk.

3 Buang rambut dan habuk daripada perkakas dan alat tambahan.

4 Bersihkan perkakas dan alat tambahan dengan kain lembap.

5 Simpan perkakas di tempat yang selamat dan kering, yang bebas daripada habuk. Anda boleh juga menggantungnya dengan gelung gantung (17).

## 3 Jaminan dan perkhidmatan

Sekiranya anda memerlukan maklumat mengenai penggantian alat tambahan atau jika anda mempunyai masalah, sila layari laman web Philips di [www.philips.com](http://www.philips.com) atau hubungi Pusat Layanan Pelanggan Philips di negara anda (anda boleh mendapatkan nombor telefonnya di dalam risalah jaminan serata dunia). Jika tiada Pusat Layanan Pelanggan di negara anda, pergi ke penjual Philips tempatan anda.



© Royal Philips Electronics N.V. 2010  
All rights reserved.

Specifications are subject to change without notice.  
Trademarks are the property of Koninklijke Philips  
Electronics N.V. or their respective owners.

3140 035 22321



100% recycled paper  
100% papier recyclé